

Nik Aziz dakwa tidak jejaskan Pas

UM 18 JAN 2003

KOTA BHARU 17 Jan. — Langkah UMNO memperkemaskan kepimpinan parti itu di Kelantan dengan melantik muka baru tidak akan menjejaskan peluang Pas untuk kekal berkuasa di negeri ini pada pilihan raya umum akan datang.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, Pas tidak takut dengan langkah terbaru UMNO tersebut kerana ia hanya melibatkan pertukaran orang dan bukannya dasar perjuangan parti itu.

“Ini hanya tukar orang atau tukar body (badan) sahaja, UMNO sekarang sama juga dengan UMNO dahulu yang mengamalkan sekular dan ini berbeza dengan Pas yang memperjuangkan Islam,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis pecah tanah kompleks belibelah Pelangi Mall di sini hari ini.

Lantik

Beliau mengulas langkah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam melantik Ketua UMNO Bahagian Kota Bharu, Zaid Ibrahim sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan bagi menggantikan Datuk Annuar Musa.

Rombakan juga membabitkan jawatan Setiausaha, Ketua Penerangan dan Bendahari.

Nik Abdul Aziz berkata, beliau yakin rakyat Kelantan akan terus memilih Pas dan tidak akan terpengaruh dengan pelbagai janji pembangunan yang dibuat oleh UMNO.